

TERA TECH

IT, Computer & Training

No.99, Ground Floor, Kompleks Karamunsing,
88300 Kota Kinabalu, Sabah.
Tel: 088-255584 H/P : 011-6209 0526 E-mail: teratechkk@gmail.com

Polisi Cuti Tahunan Tera Tech

1. Tujuan

Polisi ini bertujuan menetapkan garis panduan berkenaan cuti tahunan bagi semua kakitangan Tera Tech untuk memastikan pengurusan cuti yang teratur dan adil.

2. Kelayakan Cuti Tahunan

Kelayakan cuti tahunan adalah berdasarkan tempoh perkhidmatan seperti berikut:

- Kurang 2 tahun perkhidmatan: 8 hari setahun
- 2 hingga kurang 5 tahun perkhidmatan: 12 hari setahun
- 5 tahun ke atas perkhidmatan: 16 hari setahun

Cuti tahunan layak selepas 12 bulan bekerja. Kakitangan baru akan menerima cuti secara pro-rate.

3. Permohonan Cuti

- Cuti hendaklah dimohon sekurang-kurangnya 7 hari lebih awal melalui borang permohonan cuti atau sistem yang ditetapkan.
- Cuti yang melebihi 3 hari berturut-turut memerlukan kelulusan khas majikan.
- Kelulusan cuti adalah berdasarkan keperluan operasi syarikat dan budi bicara majikan.

4. Had dan Bawa Ke Hadapan (Carry Forward)

- Cuti tahunan yang tidak digunakan boleh dibawa ke tahun seterusnya maksimum 6 bulan dari tarikh tahun baharu.
- Cuti yang tidak digunakan selepas tempoh tersebut akan luput melainkan dipersetujui oleh majikan atas keadaan tertentu.

5. Tidak Hadir Tanpa Sebab (Absent Without Notice)

- Jika pekerja tidak hadir bekerja tanpa sebab munasabah melebihi 10% daripada jumlah hari bekerja setahun, majikan berhak mengurangkan cuti tahunan.
- Ketidakhadiran tanpa maklumat selama 2 hari berturut-turut dianggap salah laku disiplin dan boleh dikenakan tindakan tatatertib.

6. Penolakan Cuti

Majikan berhak menolak permohonan cuti sekiranya:

- Permohonan dibuat pada saat akhir tanpa sebab yang sah.
- Menjejaskan operasi syarikat.
- Pekerja telah melebihi kuota cuti.

TERA TECH
IT, Computer & Training

No.99, Ground Floor, Kompleks Karamunsing,
88300 Kota Kinabalu, Sabah.
Tel: 088-255584 H/P : 011-6209 0526 E-mail: teratechkk@gmail.com

7. Pembatalan atau Penangguhan Cuti

Majikan boleh membatalkan atau menangguh cuti yang telah diluluskan sekiranya terdapat keperluan operasi mendesak. Pekerja akan dimaklumkan sebaik mungkin.

8. Penggunaan Cuti Secara Serentak

Pekerja boleh memohon cuti tahunan secara berperingkat atau sekaligus, tertakluk kepada kelulusan majikan.

9. Pengesahan Cuti

Cuti dianggap sah hanya setelah kelulusan bertulis atau pengesahan melalui sistem/WhatsApp daripada pihak majikan.

Polisi ini tertakluk kepada pindaan oleh pihak pengurusan Tera Tech dari semasa ke semasa.